ESE - OSPE	≥ 5 stations – 10% ≥ 8 stations – 20%	10% - 20%

Clinical Sciences Modules

Examination	Distribution of Marks		Total
Year 1 Semester II	CA – 60%	ESE – OSCE 40%	100%
Year 2 Semester I	CA – 60%	ESE – OSCE 70%	100%
Year 2 Semester II	CA – 60%	ESE – OSCE 70%	100%

**PERATURAN - PERATURAN
FAKULTI PERUBATAN**

**DI BAWAH PERUNTUKAN
PERATURAN-PERATURAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(PENGAJIAN SARJANAMUDA) 2020**

1. Syarat-syarat Penerimaan Masuk

1.1. Syarat Am Universiti

1.1.1. Sijil Pelajaran Malaysia

Calon-calon mestilah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau peperiksaan yang setaraf dengannya serta lulus dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia atau Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas Julai dan;

1.1.2. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau yang setaraf

1.1.2.1. Calon-calon mestilah lulus peperiksaan STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dan mendapat sekurang-kurangnya :

- i. Gred C (NGMP 2.00) dalam matapelajaran Pengajian Am ; dan
- ii. Gred C (NGMP 2.00) dalam dua matapelajaran lain dan mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Peperiksaan Malaysian University English Test (MUET)

1.2. Syarat Khas Program

1.2.1. Sijil Pelajaran Malaysia

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dalam mata pelajaran berikut :

- Biologi
- Kimia
- Fizik
- Matematik/ Matematik Tambahan dan
- satu mata pelajaran lain

DAN

1.2.2. Sijil Matrikulasi

Calon STPM/Matrikulasi KPM/Asasi

Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.80

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.00) pada peringkat Matrikulasi/Asasi dalam mata pelajaran berikut :-

- Biology
- Chemistry
- Mathematics/Physics

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:-

- Biology
- Chemistry
- Mathematics/Add Mathematics
- Physics

DAN

- Satu mata pelajaran lain

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET)

DAN

Lulus temuduga yang ditetapkan oleh Fakulti.

ATAU

Calon Asasipintar Pusat PERMATApintar Negara

Memperolehi sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.0 daripada 4.0) dalam 3 subjek berikut :-

- Biology
- Chemistry
- Physics/Mathematics/Penaakulan
Mantik/Kalkulus Vektor

DAN

Memperolehi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B bagi mata pelajaran berikut :-

- Biology
- Chemistry
- Physics
- Mathematics/Add Mathematics; dan
- Satu mata pelajaran lain

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET)

DAN

Lulus temuduga yang ditetapkan oleh Fakulti.

ATAU

1.2.3 Calon Diploma International Baccalaureate

Memperolehi sekurang-kurangnya skor 4 dalam mata pelajaran Sains atau Matematik di peringkat "Higher Level (HL)" dan 1 mata pelajaran Sains di peringkat "Standard Level

DAN

Memperolehi sekurang-kurangnya skor 4 dalam mata pelajaran berikut :-

- Biology
- Chemistry
- Physics/Mathematics

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:-

- Biology
- Physics
- Mathematics/Additional Mathematics
- Matematik atau Matematik Tambahan dan
- Satu mata pelajaran lain

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET)

DAN

Lulus temuduga yang ditetapkan oleh Fakulti

1.2.4 Calon A-Level

Memperolehi sekurang-kurangnya Gred AAB atau ABB dalam 3 mata pelajaran berikut :-

- Biology
- Chemistry
- Physics/Mathematics

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut:-

- Biology
- Chemistry
- Physics
- Mathematics / Additional Mathematics; dan
- Satu mata pelajaran lain

DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET)

DAN

Lulus temuduga yang ditetapkan oleh Fakulti

1.3. Syarat-syarat Masuk Yang Lain

Calon-calon mestilah juga :

- 1.3.1. Dapat memuaskan Senat tentang kecekapan mereka bertutur dalam Bahasa Malaysia ;
- 1.3.2. mengambil apa-apa ujian serta menghadiri temuduga seperti yang ditentukan oleh Senat untuk menilai kelayakan mereka mengikuti kursus di Universiti ;
- 1.3.3. menunjukkan lazimnya bahawa mereka berumur tujuh belas tahun

atau lebih pada hari pertama tahun akademik yang mereka mohon masuk ;

1.3.4. menunjukkan bukti dalam borang yang disediakan oleh Universiti bahawa mereka adalah cukup sihat dan berupaya untuk mengikuti kursus pengajian di universiti ; dan

1.3.5. memenuhi apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Senat dari semasa ke semasa.

1.4. Penerimaan masuk calon ke Fakulti bergantung kepada budi bicara Senat.

2. Struktur Pengajian

2.1. Kursus

2.1.1. Fakulti

Calon-calon dikehendaki mengikuti semua kursus yang ditetapkan oleh Fakulti. Semua kursus Fakulti adalah kursus wajib. Calon-calon di peringkat klinikal dikehendaki mengikuti kesemua program kepaniteraan atau posting yang ditentukan.

2.1.2. Citra UKM

Calon-calon dikehendaki mengikuti kursus-kursus Citra UKM dengan jumlah 30 jam kredit seperti yang ditetapkan berikut :

2.1.2.1 SEPULUH (10) jam kredit untuk kursus WAJIB UNIVERSITI.

2.1.2.2 DUA PULUH (20) jam kredit untuk kursus Citra Universiti

Manakala bagi kursus Bahasa Inggeris, pelajar perlu mengambil sebanyak 5 jam kredit semasa di Tahun 1 dan Tahun 2 pengajian.
*** Bagi pelajar-pelajar perubatan, Kursus Citra UKM tidak dikira di dalam pengiraan PNGK.**

2.2. Tempoh Pengajian

- 2.2.1. Calon-calun mesti mengikuti kursus ijazah Doktor Perubatan tidak melebihi tujuh (7) sesi di mana pengajian Tahun 1 dan 2 ditetapkan tidak melebihi 3 sesi dan Peperiksaan Ikhtisas Akhir boleh diambil tidak melebihi 3 kali tertakluk kepada tempoh pengajian tujuh (7) sesi. Walau bagaimanapun, pelajar boleh merayu untuk dibenarkan menduduki Peperiksaan Ikhtisas (Ulangan) satu (1) kali lagi tertakluk kepada persetujuan Fakulti dan Senat. (Senat Ke-307 - 16 Julai 2003)
- 2.2.2. Calon-calun program berkembar Ijazah Doktor Perubatan mesti mengikuti kursus tidak melebihi sembilan (9) sesi di mana pengajian Tahun 1, 2 dan 3 adalah ditetapkan tidak melebihi 4 sesi dan sesi pengajian Tahun 3, 4 dan 5 tidak melebihi 5 tahun. Peperiksaan Ikhtisas Akhir boleh diambil tidak melebihi 3 kali tertakluk kepada tempoh pengajian sembilan (9) sesi. Walau bagaimanapun, pelajar boleh merayu untuk dibenarkan menduduki Peperiksaan Ikhtisas (Ulangan) satu (1) kali lagi tertakluk kepada persetujuan Fakulti dan Senat.
- 2.2.3. Calon-calun yang dikecualikan daripada sebilangan unit kursus semasa penerimaan masuk, tempoh minimum yang dikenakan untuk menyelesaikan kursus pengajian bagi ijazah bergantung kepada bilangan kursus/tahun yang dikecualikan. Bagi calon-calun yang memenuhi syarat pengecualian ini, tempoh minimum untuk mengikuti kursus perubatan adalah selama 3 tahun di peringkat klinikal tertakluk kepada perakuan Fakulti.

2.3 Pendaftaran Kursus

- 2.3.1. Pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester. Pendaftaran kursus-kursus tersebut hendaklah dilakukan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 2.3.2. Penukaran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan hanya dalam tempoh dua (2) minggu pertama permulaan tiap-tiap semester.
- 2.3.3. Pengguguran kursus yang didaftarkan boleh dilakukan dalam tempoh 4 (empat) minggu pertama permulaan tiap-tiap semester. Pengguguran selepas minggu ke 4 sehingga minggu ke 10 akan

Markah (%)	Gred	Nilai Gred	Taraf
80 ke atas	A	4.00	Cemerlang
75 - 79	A-	3.67	
70 - 74	B+	3.33	
65 - 69	B	3.00	Kepujian
60 - 64	B-	2.67	
55 - 59	C+	2.33	
50 - 54	C	2.00	Lulus
47 - 49	C-	1.67	Gagal
44 - 46	D+	1.33	
41 - 43	D	1.00	
40 ke bawah	E	0.00	

3.4 Gred-gred berikut diberikan tanpa markah atau gred/nilai gred :

- 3.4.1 L/G (Lulus/Gagal) iaitu taraf yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi hanya diberikan catatan “lulus” atau “gagal” sahaja.
- 3.4.2 TL (Tidak Lengkap) iaitu taraf yang diberikan dengan kebenaran Fakulti kepada pelajar yang tidak dapat menyelesaikan sekurang-kurangnya 70% daripada keperluan kursus atas alasan yang munasabah. Pelajar perlu melengkapkan tugas tersebut selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas pendaftaran semester berikutnya untuk mendapat penilaian penuh dan gred.
- 3.4.3 SM (Sedang Maju) iaitu taraf yang digunakan bagi sesuatu kerja atau projek yang melebihi satu semester untuk disiapkan. Ia tidak diberi mata penilaian tetapi unit baginya hanya dikira untuk penentuan unit umum bagi sesuatu semester dan bukan untuk keperluan penilaian untuk mendapatkan ijazah. Unit dan nilai gred bagi kerja atau projek tersebut hanya diambil kira bagi maksud pengiraan jumlah unit untuk keperluan ijazah dan purata penilaian apabila simbol SM digantikan dengan gred.
- 3.4.4 U (audit) iaitu taraf yang diberikan kepada pelajar yang mendaftar, menghadiri kursus dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus itu tetapi nilai gred tidak diberikan dan lulus peperiksaan kursus itu.

- 3.4.5 TD (Tarik Diri) iaitu taraf yang diberikan kepada pelajar yang menarik diri bagi sesuatu kursus dengan kebenaran pensyarah dan Dekan Fakulti selepas minggu ke 4 hingga ke 10 sesuatu semester.
- 3.4.6 TP (Tanggung Peperiksaan) iaitu taraf yang diberikan kepada pelajar yang memohon untuk menangguhkan peperiksaan di bawah perenggan 7.3. Peperiksaan gantian diadakan semasa Peperiksaan Ulangan Semester.
- 3.4.7 PK (Pindah Kredit) iaitu gred diberikan kepada pelajar yang diluluskan pemindahan kredit secara menegak atau mendatar. Kredit kursus yang dipindahkan diambil kira dalam kredit bergraduasi tetapi gred kursus tidak diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK pelajar.

4. Sistem Penilaian

- 4.1. Semua kursus akan diambil kira untuk mengira Purata Markah dan Gred Semester/Sesi kecuali kursus Universiti seperti pada perenggan 2.1.2.
- 4.2. Kursus-kursus yang mendapat gred gagal juga diambil kira untuk menentukan Purata Gred/Markah bagi Semester/Sesi berkenaan.
- 4.3. Gred bagi Peperiksaan Ulangan Semester akan diberi taraf lulus sahaja (setaraf gred C) dan diambil kira untuk menentukan Purata Gred/Markah bagi pelajar-pelajar mengulang tertakluk kepada perenggan 8.1.
- 4.4. PNG akan ditentukan mengikut kaedah di bawah :

4.4.1 Purata Nilai Gred (PNG) Semester

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang diambil pada sesuatu semester seperti pada perenggan 5.1 dan 5.3;

Rumus pengiraan PNG adalah seperti berikut:

$$PNG = \frac{\sum_{i=1}^n GiUi}{\sum_{i=1}^n Gi}$$

yang mana

G = Nilai gred kursus ke-

i U = Jam Kredit ke-i

n = Bilangan kursus yang telah diikuti pada semester

Contoh:

Semester I				
Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
JUMLAH			13	35.00

$$PNG \text{ Semester} = \frac{35.00}{13} = 2.69$$

4.4.1 Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)

Jumlah Nilai Gred (nilai gred X jam kredit) untuk semua kursus dibahagikan dengan jumlah jam kredit bagi semua kursus yang telah diikuti tertakluk kepada perenggan 5.1 dan 5.3. Rumus pengiraan PNGK sama seperti rumus pengiraan PNG.

Contoh:

Semester I

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1013	A	4.00	3	12.00
XB1013	B+	3.33	3	9.99
XC1013	A-	3.67	3	11.01
XD1512	E	0.00	2	0.00
CE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			13	35.00

Semester II

Kursus	Gred	Nilai Gred	Jam Kredit	Nilai Gred X Jam Kredit
XA1113	A	4.00	3	12.00
XB1313	B+	3.33	3	9.99
XC1153	C+	2.33	3	6.99
XD1363	A	4.00	3	12.00
XE1512	D	1.00	2	2.00
Jumlah Kecil			14	42.98
JUMLAH BESAR			27	77.98

$$\begin{aligned} \text{PNGK} &= \frac{77.98}{27} \\ &= 2.88 \end{aligned}$$

5. Syarat-syarat Kelayakan Meneruskan Pengajian

- 5.1. Taraf Lulus : Seseorang calon dianggap lulus dan dibenar meneruskan pengajian jika lulus semua kursus yang ditetapkan oleh Fakulti. Markah lulus sesuatu kursus adalah 50% dan ke atas atau nilai yang ditentukan melalui kaedah 'Standard Setting' yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa PraPemeriksa Kursus/Modul.
- 5.2 Taraf Gagal : Seseorang calon dianggap gagal sesuatu kursus jika tidak memenuhi syarat 5.1., atau dilarang menduduki peperiksaan kerana tidak memenuhi syarat untuk menduduki peperiksaan sesuatu kursus seperti syarat 8.1., atau tidak menghadiri peperiksaan sesuatu kursus tanpa sebarang sebab yang munasabah.

5.2.1. Taraf Gagal Tahun 1 dan Tahun 2

5.2.1.1. Pelajar yang gagal mana-mana modul Peperiksaan Akhir Semester 1 dan atau Peperiksaan Akhir Semester 2 layak menduduki Peperiksaan Ulangan.

5.2.1.2. Seseorang calon dianggap gagal dan diberhentikan jika :

5.2.1.2.1. gagal Peperiksaan Ulangan Semester semasa dalam tahun ulangan, atau

5.2.1.2.2. telah menghabiskan tempoh maksimum tiga (3) sesi pengajian pada Tahun 1 & 2 seperti pada syarat 2.2, atau

5.2.1.2.3. gagal Peperiksaan Ulangan Semester dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) kurang atau sama 1.33.

(Senat ke – 385 – 20 Feb 2013)

5.2.2. Taraf Gagal Tahun 3

5.2.2.1. Seseorang calon yang gagal peperiksaan Ikhtisas Pertama dikehendaki menduduki kursus ulangan dan peperiksaan ulangan Ikhtisas Pertama dalam tempoh yang ditentukan. Calon dibenarkan untuk menduduki peperiksaan ulangan Ikhtisas Pertama sekali sahaja pada sesi yang sama.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

5.2.2.2. Seseorang calon dianggap gagal tahun pengajian sekiranya gagal Peperiksaan Ulangan Ikhtisas Pertama.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

5.2.3. Taraf Gagal Tahun 4

5.2.3.1. Seseorang calon dianggap gagal tahun pengajian dan dikehendaki mengulang tahun pada sesi berikutnya sekiranya gagal.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

5.2.3.2. Seseorang calon dikehendaki menduduki kursus ulangan dan Peperiksaan Ulangan Semester dalam tempoh yang ditentukan bagi kursus yang gagal sama ada :

- satu (1) kursus Major atau
- satu (1) kursus Major dan satu (1) kursus Minor atau
- satu (1) kursus Major dan dua (2) kursus Minor atau
- satu (1) Major dan tiga (3) Minor atau
- dua (2) kursus Major atau
- tiga (3) kursus Minor

Calon dibenarkan untuk menduduki Peperiksaan Ulangan Semester sekali sahaja.

Calon dikehendaki mengulang tahun sekiranya gagal mana- mana kursus dalam peperiksaan ulangan.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

5.2.3.3. Seseorang calon dikehendaki mengulang tahun pada sesi berikutnya sekiranya gagal:

- dua (2) Major dan satu (1) Minor atau
- dua (2) Major dan dua (2) Minor atau
- dua (2) Major dan tiga (3) Minor atau
- tiga (3) kursus Major atau lebih

Kebenaran untuk mengulang tahun hanya diberi kepada seseorang calon yang berjaya melengkapkan semua kursus pada tahun calon gagal.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

5.2.3.4 Calon yang Berjaya melengkapkan semua kursus dan lulus 'Continuous Assessment' (CA) akan dikecualikan daripada menyediakan case write-up di tahun mengulang.

5.2.4. Taraf Gagal Tahun 5

5.2.4.1. Seseorang calon dianggap gagal dan diberhentikan jika telah menghabiskan tempoh maksimum lima (5) sesi pengajian di Tahun 3,4, dan 5 atau menghabiskan tempoh maksimum tujuh (7) sesi pengajian (syarat 2.2.).

5.3 Taraf Mengulang Tahun

5.3.1. Taraf Mengulang Tahun 1 dan 2

Seseorang calon yang memenuhi syarat 2.2 dan mempunyai PNGK lebih daripada 1.33 dibenarkan mengulang tahun jika :

5.3.1.1. Gagal Peperiksaan Ulangan Semester

Peluang seseorang pelajar untuk mengulang tahun adalah juga tertakluk kepada keputusan fakulti.
(Senat ke-385 – 20 Feb 2013)

5.3.2. Taraf Mengulang Tahun 3

Seseorang calon yang memenuhi syarat 2.2 dibenarkan mengulang tahun jika:

5.3.2.1. gagal Peperiksaan Ulangan Ikhtisas Pertama

5.3.2.2. tergolong dalam peraturan 8.1.1

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

5.3.3. Taraf Mengulang Tahun 4

Seseorang calon yang memenuhi syarat 2.2 dibenarkan mengulang tahun jika:

5.3.3.1. gagal Peperiksaan Ulangan Semester,

5.3.3.2. gagal 3 atau lebih kursus semasa Peperiksaan Akhir Semester (rujuk 5.2.3.2)

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

5.3.4 Taraf Mengulang Tahun 5

5.3.4.1. Seseorang calon yang memenuhi syarat 2.2. dibenarkan mengulang 6 bulan jika :

- 5.3.4.1.1. tidak dibenarkan menduduki Peperiksaan Ikhtisas Kedua kerana tidak memenuhi perkara 6.1. atau
- 5.3.4.1.2. gagal Peperiksaan Ikhtisas Kedua

5.3.4.2. Seseorang calon yang memenuhi syarat 2.2 dibenarkan mengulang 1 tahun akademik jika:

- 5.3.4.2.1. tidak memenuhi peraturan 8.1.1

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

5.4 Taraf Diberhentikan Daripada Mengikuti Program

- 5.4.1. Seseorang calon Tahun 1 dan 2 dianggap gagal dan diberhentikan daripada mengikuti program jika gagal Peperiksaan Ulangan Semester dengan PNGK kurang atau sama 1.33.
- 5.4.2. Seseorang calon Tahun 3, 4 dan 5 dianggap gagal dan diberhentikan daripada pengajian jika gagal melengkapkan semua kursus semasa berada dalam tahun ulangan.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

- 5.4.3. Seseorang calon dianggap gagal dan diberhentikan daripada mengikuti program jika gagal Peperiksaan Ulangan Semester semasa berada dalam tahun ulangan.
- 5.4.4. Seseorang calon diberhentikan jika disahkan oleh Lembaga Perubatan Pelajar Fakulti Perubatan (LPPFP) menghidap penyakit mental yang menjejaskan kemampuan untuk berfungsi sebagai seorang pelajar perubatan dan doktor.

6. Syarat Dibenarkan Menduduki Peperiksaan Ikhtisas Pertama dan Peperiksaan Ikhtisas Kedua

6.1. Seseorang calon layak menduduki Peperiksaan Ikhtisas Pertama jika :

6.1.1. tidak melanggar peraturan 8.1

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

6.2. Seseorang calon layak menduduki Peperiksaan Ikhtisas Kedua jika :

6.2.1. tidak melanggar peraturan 6.1.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

7. Penilaian Mendapat Ijazah

7.1. Seseorang calon mesti memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Doktor Perubatan :

7.1.1. Lulus Peperiksaan Ikhtisas Kedua dengan mendapat markah 50% dan ke atas atau nilai yang ditentukan melalui kaedah 'Standard Setting' yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa PraPemeriksa di dalam :

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

7.1.1.1. keseluruhan peperiksaan

7.1.1.2. Peperiksaan Klinikal;

7.1.2. Lulus semua kursus Universiti yang ditetapkan;

7.2. Seseorang calon layak dianggap cemerlang dalam Peperiksaan Ikhtisas Kedua jika mendapat markah 75% (bersamaan Nilai Gred 3.67) dan ke atas ATAU nilai lain yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

7.3. Seseorang calon layak dikurniakan Ijazah Doktor Perubatan (Kepujian) tertera pada transkrip, jika lulus Peperiksaan Ikhtisas Kedua dengan :

7.3.1. mendapat markah 75% dan ke atas atau nilai yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa pada ;

7.3.1.1. keseluruhan peperiksaan

7.3.1.2. peperiksaan klinikal dan

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

7.3.2. tidak pernah gagal mana-mana kursus sepanjang mengikuti program pengajian perubatan dan;

7.3.3. mendapat sekurang-kurangnya gred B (65% dan ke atas) dalam semua kursus yang diambil dalam semua peperiksaan sepanjang mengikuti program perubatan (Senat Ke-330 – 16 Mei 2007)

7.4. Tiada peruntukan untuk lulus bersyarat atau 'redeemable' di dalam Peperiksaan Ikhtisas Pertama dan Kedua.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

7.5. Ijazah boleh dikurniakan kepada calon yang telah :

7.5.1. memenuhi semua kehendak dan Akta Pengajian Sarjanamuda;

7.5.2. memenuhi semua kehendak Peraturan ini;

7.5.3. diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan disahkan oleh Senat.

7.5.4. menjelaskan segala bayaran yang telah ditetapkan

8. Peruntukan-Peruntukan Lain

8.1. Seseorang pelajar tidak akan dibenarkan mengambil peperiksaan sesuatu kursus/ikhtisas awal atau akhir sekiranya Dekan telah memperakui bahawa calon berkenaan sama ada:

8.1.1. 8.1.1

telah tidak mengikuti 100% daripada keperluan kursus tersebut seperti yang ditetapkan oleh Fakulti dan/atau tidak memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh sesuatu kursus atau;

- 8.1.2 telah memplagiat atau menipu apa-apa bentuk penilaian (seminar, laporan, penulisan kes, buku log) yang ditetapkan dalam sesuatu kursus atau;
- 8.1.3 tidak memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh sesuatu kursus atau;
- 8.1.4 menghadapi tindakan tatatertib berat misalnya terlibat dengan kes jenayah dan lain-lain tindakan yang boleh menjejaskan profesyen kedoktoran atau;
- 8.1.5. mempunyai sikap yang tidak bersesuaian sebagai seorang pelajar perubatan dan menjejaskan profesyen kedoktoran.
(Senat Ke-335 – 19 Mac 2008).

□ Rujuk :

- 1. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib pelajar) 1999

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

- 2. Peraturan Tatatertib Pelajar Fakulti Perubatan UKM 2016

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

8.2. Pelajar yang telah dikenal pasti oleh Fakulti untuk diberi bimbingan tambahan adalah diwajibkan menghadiri sesi bimbingan yang diatur oleh Fakulti masing- masing dan kegagalan menghadirinya boleh menjejaskan peluang mereka untuk mengambil peperiksaan.

8.3. Anugerah Dekan

8.3.1. Anugerah Dekan diberi kepada pelajar yang telah menunjukkan kejayaan dalam bidang akademik semasa menjalani pengajian di UKM.

8.3.2. Syarat dan Kelayakan.

8.3.2.1. Pelajar mencapai Purata Nilai Gred (PNG) Semester sekurang-kurangnya 3.67, bagi minimum 12 kredit bagi sesuatu semester pengajian atau seperti kriteria yang di tetapkan oleh Fakulti berkaitan yang telah diluluskan oleh Senat;

- 8.3.2.2. Pelajar tidak pernah dikenakan apa-apa tindakan tatatertib;
- 8.3.2.3 Berdaftar secara rasmi sebagai pelajar UKM bagi menjalani sebarang program ijazah yang ditawarkan oleh mana-mana Fakulti dalam Universiti ini;
- 8.3.2.4 Pelajar telah menjelaskan segala hutang dan bayaran kepada Universiti pada waktu pemilihan; dan
- 8.3.2.5 Diperakui oleh Fakulti bahawa pelajar itu adalah layak untuk dicalonkan berdasarkan kriterium-kriterium yang diperuntukkan berhubung dengan paraturan ini.

8.3.4. Proses Pemilihan

- 8.3.4.1 Pemilihan Anugerah Dekan akan ditentukan dalam Mesyuarat Fakulti berdasarkan kepada syarat-syarat kelayakan seperti pada perkara 7.5.2 dalam peraturan ini;
- 8.3.4.2. Penerima Anugerah Dekan tidak dihadkan kepada seorang sahaja bagi setiap Fakulti; dan
- 8.3.4.3. Sijil anugerah disampaikan kepada pelajar yang berjaya pada masa yang ditetapkan oleh Fakulti.

8.3.4. Bentuk Penghargaan

- 8.3.5.1. Penganugerahan adalah dalam bentuk sijil oleh Fakulti.

9. Penangguhan Pendaftaran/Pengajian, Kebenaran Tidak Mendaftar Dan Penangguhan Peperiksaan

9.1. Pertimbangan Untuk Penangguhan Pengajian/ Pendaftaran

- 9.1.1. Seseorang pelajar yang sakit boleh diberi penangguhan pengajian untuk semester tertentu oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti. Dalam kes-kes seperti ini perakuan daripada doktor yang terdiri daripada Doktor Kerajaan, Pegawai Perubatan Universiti, Doktor Panel Universiti atau Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah adalah diperlukan. Perakuan yang bukan daripada doktor Kerajaan, Pegawai

Perubatan Universiti, Doktor Panel atau Ahli Psikologi Klinikal atau Kaunselor bertauliah boleh dipertimbangkan dalam kes-kes tertentu selepas pelajar berkenaan telah menjalani rawatan doktor berkenaan terlebih dahulu. Dalam kes sakit jiwa, kebenaran untuk mendaftar semula tertakluk kepada perakuan doktor yang berkenaan.

- 9.1.2. Seseorang pelajar yang menghadapi masalah lain daripada perenggan 9.1.1 di atas boleh juga diberi penangguhan pengajian untuk sesuatu semester oleh Dekan Fakulti dan disahkan oleh Mesyuarat Fakulti tertakluk kepada Dekan Fakulti berpuas hati bahawa masalahnya itu akan menjejaskan pembelajarannya pada semester berkenaan. Selain itu, seseorang pelajar juga boleh memohon penangguhan pengajian untuk mengikuti Tahun Berjeda (Gap Year).
- 9.1.3. Permohonan penangguhan pengajian bagi pelajar yang tidak mendaftar diri hendaklah dibuat dalam tempoh empat (4) minggu daripada tarikh sesuatu semester bermula. Bagi pelajar yang mendaftar diri, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dilakukan sehingga minggu ke sepuluh (ke 10). Permohonan selepas minggu ke sepuluh (ke 10) tidak akan dipertimbangkan tetapi pelajar hendaklah memohon untuk menangguh peperiksaan.
- 9.1.4. Seseorang pelajar baharu yang telah diterima masuk tetapi belum mendaftar disebabkan sakit atau menghadapi masalah lain yang boleh menjejaskan pembelajarannya, dibenarkan membuat penangguhan pendaftaran/pengajian diri sebagai pelajar dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan Fakulti dengan mengemukakan alasannya selewat-lewatnya dua (2) minggu dari tarikh kuliah bermula. Apabila diluluskan oleh Dekan Fakulti, calon dikehendaki membayar wang proses permohonan penangguhan pendaftaran diri. Tempoh maksimum yang dibenarkan penangguhan pendaftaran diri adalah dua (2) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh tersebut tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum yang dibenarkan bagi melayakkan diri untuk mendapatkan sesuatu ijazah.
- 9.1.5. Seseorang pelajar boleh memohon penangguhan pendaftaran/pengajian kepada Dekan Fakulti untuk mengikuti program Tahun Berjeda (Gap Year). Permohonan hanya boleh dilakukan satu kali sahaja iaitu selepas satu tahun pengajian di universiti.

Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah dua (2) semester sahaja. Tempoh penangguhan pengajian ini tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada keperluan maksimum pengajian.

9.2. Pertimbangan Untuk Tidak Mendaftar

9.2.1. Calon-calun yang telah mendapat pengesahan daripada doktor bahawa ia telah hamil antara 6 – 7 bulan pada waktu pendaftaran dinasihatkan tidak mendaftar pada semester tersebut.

9.2.2. Seseorang calon boleh dibenarkan oleh Dekan Fakulti untuk tidak mendaftar pada sesuatu semester dengan syarat ia memohon secara bertulis kepada Dekan dengan mengemukakan alasannya.

9.3. Pertimbangan Bagi Penangguhan Peperiksaan

9.3.1. Calon-calun yang sakit atau menghadapi gangguan-gangguan lain sewaktu peperiksaan boleh memohon kepada Dekan Fakulti dan disahkan oleh mesyuarat Fakulti untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan berkenaan. Permohonan untuk menangguhkan peperiksaan untuk kursus berkenaan hendaklah dibuat dalam tempoh 48 jam selepas peperiksaan itu diadakan.

9.3.2. Permohonan untuk menangguhkan pengambilan peperiksaan semester atas sebab-sebab kesihatan hendaklah disertakan dengan pengesahan doktor yang merawat calon berkenaan seperti pada perenggan 9.1.1 di atas. Permohonan atas sebab-sebab lain boleh dipertimbangkan atas budi bicara Fakulti. Peperiksaan gantian diadakan semasa Peperiksaan Ulangan Semester.

9.4. Status Sebagai Seorang Pelajar Universiti

9.4.1. Calon-calun yang telah diberi penggantungan pendaftaran dan kebenaran tidak mendaftar akan hilang tarafnya sebagai pelajar Universiti dan dengan demikian beliau tidak berhak mendapat atau menggunakan kemudahan-kemudahan Universiti yang diberikan kepada calon-calun sehingga beliau mendaftar semula selepas tempoh berkenaan.

- 9.5. Tempoh Pendaftaran Semester Semasa Penangguhan Pengajian/Tidak Mendaftar (Menggantung Pendaftaran/ Tidak Mendaftar)
- 9.5.1. Tempoh yang terlibat dengan penangguhan pengajian/tidak mendaftar (penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar) atas sebab-sebab kesihatan dan mengikuti program Tahun Berjeda (Gap Year) tidak diambilkira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian maksimum (reka) yang dibenarkan.
- 9.5.2. Tempoh semester yang terlibat dengan penangguhan pengajian/ tidak mendaftar (penggantungan pendaftaran/tidak mendaftar) atas sebab-sebab selain daripada sebab-sebab kesihatan dan program Tahun Berjeda (Gap Year) diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh pengajian maksimum (reka) yang dibenarkan. (?kecuali bagi tempoh dua semester yang pertama)
- 9.5.3. Tempoh penangguhan pengajian (penggantungan pendaftaran) tidak boleh melebihi dua semester berturut-turut setiap kali kecuali atas sebab-sebab kesihatan. Tempoh maksimum yang dibenarkan untuk menggantung pendaftaran ialah sebanyak empat (4) semester kecuali atas sebab-sebab kesihatan.

10. Penyimpanan Kertas-Kertas Jawapan Peperiksaan Dan Rayuan-Rayuan Terhadap Keputusan Peperiksaan

- 10.1. Kertas-kertas Jawapan Peperiksaan
- 10.1.1. Semua skrip jawapan calon-calon bagi sebarang peperiksaan Universiti hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan untuk disimpan.
- 10.1.2. Ketua Jabatan hendaklah menyimpan dengan selamat skrip jawapan itu untuk tempoh selama sekurang-kurangnya tiga bulan selepas pemberitahuan mengenai keputusan peperiksaan berkenaan dikeluarkan oleh Pendaftar.
- 10.1.3. Tertakluk kepada perenggan 10.1.4., semua skrip jawapan peperiksaan hendaklah dimusnahkan dengan secepat mungkin selepas genap tempoh tiga (3) bulan seperti yang tersebut dalam Peraturan-peraturan di atas.
- 10.1.4. Dalam kes-kes yang rayuan terhadap keputusan peperiksaan yang dibuat oleh seseorang calon, skrip-skrip jawapan berkenaan tidak boleh dimusnahkan kecuali selepas Fakulti

telah mengesahkan keputusan penyemakan semula.

10.2. Rayuan Untuk Menyemak Semula Keputusan Penilaian Kursus

- 10.2.1. Sesuatu rayuan untuk menyemak semula keputusan penilaian kursus hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Pendaftar oleh calon yang berkenaan dalam masa dua (2) hingga empat (4) minggu kalendar selepas keputusan peperiksaan diumumkan. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh ini tidak boleh diberi pertimbangan.
- 10.2.2. Setiap rayuan yang dikemukakan hendaklah menyatakan kursus atau kursus-kursus yang diminta disemak semula.
- 10.2.3. Bayaran yuran mengikut jumlah yang ditetapkan bagi tiap-tiap satu kursus yang diminta disemak semula hendaklah disertakan dengan rayuan berkenaan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik.

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

- 10.2.4. Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti selepas berunding dengan Ketua Jabatan berkenaan boleh melantik suatu panel pemeriksa bagi menyemak semula keputusan penilaian kursus berkenaan.
- 10.2.5. Panel pemeriksa hendaklah terdiri daripada Ketua Jabatan, pemeriksa asal kursus berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang pemeriksa lain yang bidangnya sama atau hampir sama dengan bidang berkenaan.
- 10.2.6. Perakuan-perakuan panel pemeriksa hendaklah dikemukakan bagi pertimbangan mesyuarat Fakulti. Keputusan Fakulti mengenai penilaian semula kursus-kursus berkenaan hendaklah dikemukakan bagi pengesahan Senat sebelum disampaikan kepada calon berkenaan, sekiranya ada perubahan.
- 10.2.7. Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut kaedah ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya terhadap keputusan tersebut tidak boleh dilayan.

10.3. Rayuan Untuk Meneruskan Semula Pengajian

10.3.1. Seseorang calon yang mendapat keputusan “Gagal dan diberhentikan” oleh sebab gagal memenuhi syarat-syarat untuk meneruskan pengajian boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut.

10.3.1.1. Permohonan dalam Fakulti/ Program yang sama akan hanya dipertimbangkan jika pelajar mengalami masalah kesihatan yang disahkan oleh Doktor Pakar Kerajaan.

10.3.1.2 Bagi permohonan rayuan ke Fakulti/ Program lain perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) tidak kurang daripada 1.9.
- menunjukkan prestasi Purata Nilai Gred (PNG) Semester yang meningkat dalam dua semester terakhir.
- mempunyai kelayakan masuk yang setara dengan pelajar sedia ada di Fakulti/ Program.
- penawaran masuk bergantung kepada kekosongan tempat.
- pertukaran hanya dibenarkan sekali sahaja.
- pemindahan kredit tidak dibenarkan.

10.3.2. Setiap rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dalam tempoh empat (4) minggu selepas pengumuman rasmi keputusan peperiksaan dan setiap rayuan hendaklah disertai dengan bayaran yang ditetapkan. Bayaran ini tidak boleh dituntut balik. Sebarang rayuan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak boleh diberikan pertimbangan..

'Lulus Mesyuarat Fakulti 382 (16 Disember 2020) ; tertakluk kepada kelulusan Senat'

10.3.3. Apabila diterima sesuatu rayuan, Pendaftar hendaklah merujukannya kepada Dekan Fakulti berkenaan. Dekan Fakulti hendaklah melantik suatu Jawatankuasa Rayuan untuk mempertimbangkannya.

10.3.4. Jawatankuasa Rayuan tersebut hendaklah terdiri daripada Dekan sebagai Pengerusi, Timbalan Dekan yang berkaitan dengan Hal

Ehwal Akademik Pelajar, Ketua Jabatan yang berkenaan dan sekurang-kurangnya seorang ahli Fakulti yang berkaitan dengan pengajaran/pembelajaran bagi pelajar serta Pendaftar atau wakilnya sebagai Setiausaha.

10.3.5. Jawatankuasa tersebut hendaklah mempunyai kuasa-kuasa berikut:

10.3.5.1. menerima atau menolak sesuatu rayuan ;

10.3.5.2. membuat keputusan terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan ;

10.3.5.3. memperakukan kepada Fakulti keputusan yang telah dicapai terhadap semua rayuan yang dipertimbangkan dan memperakukan, jika ada, rayuan yang tidak layak dipertimbangkan.

10.3.6. Perakuan yang dibuat oleh Fakulti mengenai perkara tersebut hendaklah dikemukakan kepada Senat untuk pengesahan.

10.3.7. Setiap keputusan yang dibuat oleh Fakulti menurut peraturan ini dan disahkan oleh Senat adalah muktamad dan sebarang rayuan selanjutnya tidak akan dipertimbangkan.

10.4. Rayuan untuk meneruskan semula pengajian setelah “Diberhentikan sebab tidak mendaftar”

10.4.1. Seseorang pelajar yang diberhentikan kerana tidak mendaftar boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajian secara bertulis kepada Pendaftar dalam tempoh tidak melebihi dua (2) semester dengan dikenakan bayaran proses dan denda lewat mendaftar seperti yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu rayuan, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan.

10.4.2. Tempoh tidak mendaftar tidak dikira sebagai sebahagian keperluan maksimum yang dibenarkan untuk mendapat sesuatu ijazah.

10.5. Rayuan Tambah Masa Pengajian

10.5.1 Seseorang pelajar boleh memohon tambah masa pengajian selepas tempoh maksimum dengan mengemukakan rayuan

secara bertulis kepada Pendaftar tertakluk kepada maksimum dua (2) semester dengan dikenakan bayaran proses seperti yang ditetapkan. Apabila diterima sesuatu rayuan, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Fakulti untuk kelulusan.

11. Umum

- 11.1. Senat berhak untuk mengambil tindakan yang wajar termasuk menggantung atau memberhentikan seseorang pelajar pada bila-bila masa jika pelajar didapati:
 - 11.1.1. Memberi maklumat palsu berkenaan syarat kemasukan atau sepanjang tempoh pengajiannya atau bagi tujuan mendapatkan Ijazah;
 - 11.1.2. Dalam keadaan ketidakupayaan mental atau fizikal yang disahkan oleh pakar perubatan;
 - 11.1.3. Melebihi tempoh pengajian yang dibenarkan di bawah subperaturan 2.2.1.
- 11.2. Fakulti diberi kuasa menerima masuk seseorang sebagai Pelajar Tanpa Ijazah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh Fakulti.
- 11.3. Senat boleh membenarkan apa-apa pengecualian yang difikirkan sesuai daripada kehendak-kehendak Peraturan ini.
- 11.4. Fakulti boleh membuat apa-apa garis panduan sebagaimana perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan peraturan ini dengan kelulusan Senat. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan di antara garis panduan dan Peraturan ini, peruntukan garis panduan yang bercanggah itu hendaklah terbatal setakat percanggahan itu.
- 11.5. Peraturan ini dan semua tafsiran mengenainya yang dibuat oleh Senat dari semasa ke semasa hendaklah berkuat kuasa terhadap pelajar yang bendaftar pada dan selepas tarikh berkuat kuasa Peraturan-peraturan ini.
- 11.6. Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, statut, kaedah-kaedah dan peraturan- peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999.

- 11.7 Peraturan-peraturan Universiti Kebangsaan Malaysia (Pengajian Sarjana Muda)1990 adalah dimansuhkan.



**AHLI JAWATANKUASA
PENERBITAN BUKU PANDUAN FAKULTI
PERUBATAN**

Penasihat
Prof. Dr. Roslina Abdul Manap

Penyelaras
Encik Thohir Hasim

Editor
**Prof. Dr. Roslina Abdul Manap
Prof. Dr. Nor Azlin Mohamed Ismail
Dr. Mohd Nasri Awang Besar
Dr. Mohamad Nurman Yaman**

Rekabentuk dan Foto
En. Mohd Iqbal Ishak

**Pusat Penerbitan dan Percetakan UKM
dengan kerjasama
Pusat Komunikasi Korporat UKM**





Fakulti Perubatan

Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, Cheras
56000 Kuala Lumpur. MALAYSIA

Tel: 603 9145 5028/5029/5030/5031

faks: 603 9145 6655

Laman Web: <http://www.ppukm.ukm.my/>
